

PROGRAM GOTONG-ROYONG SUNGAI SERTING, BANDAR JEMPOL, NEGERI SEMBILAN

DR DEVIKA KRISHNAN

FAKULTI SAINS PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN POLISI, UiTM KAMPUS SEREMBAN

Sungai merupakan sumber alam semula jadi yang paling berharga di atas muka bumi. Penjagaan sungai adalah penting untuk memastikan bahawa manusia mendapat bekalan air yang bersih secara mencukupi. Oleh itu, pembersihan sungai harus dijalankan secara kerap untuk mengekalkan kualiti air yang bersih dan selamat serta boleh digunakan oleh penduduk setempat. Walau bagaimanapun, orang ramai terutamanya di kawasan pedalaman dan kawasan kampung kurang diberi pendedahan mengenai penjagaan sungai yang betul. Hal ini kerana, masyarakat masih beranggapan bahawa sungai yang ada di kawasan mereka bukanlah sungai komersil seperti yang tersedia di bandar-bandar besar. Justeru itu, pelbagai program telah diadakan untuk memberi kesedaran dan membantu para penduduk setempat dalam mengimarahkan lagi aktiviti pembersihan sungai di tempat mereka.



Dalam pada itu, mahasiswa daripada kursus Peraturan dan Advokasi Alam Sekitar (EVA515) di bawah program Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Alam Sekitar (AM226) Kampus Seremban, telah mengambil inisiatif daripada konsep Service-Learning Malaysia (SULAM) untuk mengadakan program aktiviti gotong-royong membersihkan Sungai Serting yang terletak di Bandar Jempol, Negeri Sembilan.

Seramai 20 orang pelajar EVA515 di bawah seliaan Dr Devika Krishnan, penasihat program telah menjayakan aktiviti gotong-royong pada 26 Jun 2022 dari jam 9.00 pagi hingga jam 12.00 tengah hari. Program ini dijalankan dengan kerjasama dari komuniti di Kampung Dato' Johan, Bandar Seri Jempol, Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) serta Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Sembilan. Ratusan penduduk telah melibatkan diri dalam program gotong-royong ini seterusnya mencerminkan inisiatif masyarakat setempat untuk menjaga ekosistem sungai Serting. Ini merupakan satu permulaan yang amat baik bagi memupuk kesedaran terhadap pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan masyarakat di Kampung Dato' Johan, Bandar Seri Jempol.

Projek ini dirancang bagi tujuan untuk mendedahkan kepada komuniti Kampung Dato' Johan tentang kesedaran penjagaan sungai secara holistik agar bekalan air dari sungai tersebut dapat dijamin kualitasnya. Mahasiswa daripada kursus Peraturan dan Advokasi Alam Sekitar (EVA515) berpendapat bahawa adalah penting untuk memberi kesedaran mengenai penjagaan sungai yang betul dan konsisten supaya ekosistem sungai dapat dipelihara dan dikekalkan. Jika sungai tidak diuruskan dengan betul, ia akan memudaratkan kehidupan yang hidup di dalam sungai dan juga memberi impak yang besar kepada hidupan yang bergantung kepada sungai tersebut. Program ini dijalankan bukan sahaja untuk memenuhi kehendak kursus Peraturan dan Advokasi Alam Sekitar (EVA515), tetapi juga untuk berkhidmat kepada masyarakat dengan berkongsi ilmu yang telah diajarkan di dalam kuliah sebagai sebahagian daripada tanggungjawab sosial sebagai seorang mahasiswa. Semoga program yang diadakan ini dapat memberikan impak yang besar terhadap kewujudan dan kesinambungan Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi (FSPPP) dan UiTM di Negeri Sembilan.